BULETIN

FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

EDISI II 2026



HUBUNGI KAMI :

fpnuitmn9s3

https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3

Ukhuwah yang Tidak Pernah Terputus

Syahirah Almuddin[1], Norshida Hashim[2] dan Mashitah Nordin[3]
[1,2] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah
[3] Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Bertemu dan berpisah kerana Allah; begitulah utuhnya ikatan kami bersama seorang sahabat yang mula dikenali di Menara Gading Universiti Malaya sekitar tahun 2006. Namanya **Nana**, namun kami lebih mesra memanggilnya **Chomel** atau ringkasnya **Chom**. Kami berkenalan ketika tinggal di satu kolej kediaman yang sama. Walaupun kami mengambil jurusan, kursus dan berada di fakulti yang berbeza, itu tidak pernah menjadi penghalang untuk kami menjalinkan persahabatan yang rapat.



Sepanjang tempoh pengajian, Chom dikenali sebagai seorang yang ceria, penyayang dan mudah didekati. Kenangan bersama beliau sentiasa menceriakan hari-hari kami sebagai mahasiswa. Selepas tamat pengajian, masing-masing membawa haluan sendiri mengejar kerjaya dan tanggungjawab kehidupan. Pertemuan kami menjadi semakin jarang, namun ukhuwah yang terjalin tidak pernah putus. Kami terus berhubung melalui WhatsApp, berkongsi cerita kehidupan, kegembiraan dan juga cabaran masing-masing. Persahabatan sering bermula dengan kebetulan, namun bertahan kerana keikhlasan.

Selepas menamatkan pengajian, ketika ramai dalam kalangan kami merantau untuk membina kerjaya dan mengejar impian masing-masing, Chom memilih jalan yang berbeza. Beliau pulang ke kampung halaman, memilih untuk bekerja di sana demi menjaga kedua-dua ibu bapanya yang semakin dimamah usia. Keputusan itu bukan sekadar pilihan, tetapi lahir daripada rasa tanggungjawab dan kasih sayang yang mendalam terhadap insan yang telah membesarkannya.

Hari-hari Chom dihabiskan dengan berbakti kepada kedua ibu bapanya. Beliau menjadi tempat bergantung harap, menjadi peneman setia di kala sunyi, dan menjadi tangan yang membantu dalam setiap keperluan harian mereka. Pengorbanannya mungkin tidak disedari ramai, namun bagi kami, ia adalah lambang kemuliaan seorang anak yang memahami erti bakti dan ihsan.

Setelah pemergian ayahanda tercinta beberapa tahun yang lalu, Chom memikul sepenuhnya tanggung jawab menjaga ibunya yang semakin uzur. Beliau tinggal berdua bersama ibunya di kampung, ibarat dua jiwa yang saling bergantung, saling menguatkan dalam perjalanan usia yang semakin senja.

Kami sering mengagumi ketabahan Chom. Beliau tidak pernah merungut, tidak pernah mempersoalkan takdir, malah sentiasa menerima kehidupannya dengan hati yang reda. Tanpa sedar, beliau mengajar kami bahawa kejayaan hidup bukan sekadar diukur melalui kedudukan atau pencapaian dunia, tetapi melalui keikhlasan dalam berbakti kepada keluarga.

Masa berlalu, tuntutan hidup membawa kami ke haluan yang berbeza. Pertemuan semakin jarang. Namun, teknologi tetap menyimpul erat persahabatan kami. Sehinggalah satu hari, kami dikejutkan dengan khabar duka yang tidak pernah kami jangka. Chom dikejarkan ke ICU akibat jangkitan kuman dan masalah buah pinggang. Berita itu datang bagaikan halilintar yang menyambar di siang hari. Hati kami seakan terhenti seketika. Sukar untuk kami menerima hakikat bahawa susuk setabah itu, kini sedang berjuang melawan kesakitan.



Tanpa berlengah, kami berusaha mendapatkan maklumat lanjut tentang keadaannya. Dengan izin Allah, kami berpeluang menziarahi beliau pada 1hb. Februari 2026. Lawatan dilakukan secara bergilir-gilir, namun setiap langkah menuju ruang rawatan terasa begitu berat. Hati kami dipenuhi harapan dan doa yang tidak putus-putus.

Runtuh hati kami melihat keadaan Chom. Susuk yang dahulunya cergas, periang kini terbaring lemah dan bisu. Kami duduk di sisinya, menggenggam tangannya, menyebut namanya perlahan-lahan, mengimbau kenangan lama dan menyampaikan kata-kata semangat. Dalam keterbatasan itu, beliau tetap memberi reaksi kecil seolah-olah memahami setiap ungkapan yang kami sampaikan. Saat itu, kami menyedari bahawa ikatan persahabatan bukan pada lisan semata, tetapi pada getaran hati yang saling memahami.

Di hadapan sahabat yang sedang diuji, kami belajar tentang rapuhnya kehidupan. Kita sering merancang masa depan, mengejar impian dan kesibukan dunia, namun hakikatnya kehidupan dunia hanya sementara dan boleh berubah dalam sekelip mata. Kesihatan, masa dan peluang bersama insan tersayang adalah nikmat yang sering kita lupa untuk syukuri.

Kami juga belajar bahawa persahabatan yang ikhlas tidak memerlukan kehadiran yang sentiasa dekat. Ia hidup melalui ingatan, melalui doa, dan melalui rasa kasih yang tidak pernah pudar walaupun dipisahkan oleh jarak dan waktu.

Dalam penuh pengharapan, kami menadah tangan memohon kepada Yang Maha Pengasih.

"Ya Allah, Engkau Yang Maha Mengetahui segala yang tersembunyi di dalam hati. Jika kesakitan ini menjadi penghapus dosa sahabat kami, maka Engkau ringankanlah penderitaannya. Jika ujian ini tanda kasih sayang-Mu, maka Engkau kurniakanlah kekuatan dan ketabahan buat dirinya serta keluarganya. Kurniakanlah kesembuhan yang sempurna, kesembuhan yang tidak meninggalkan kesakitan.

Ya Allah, kuatkanlah hati ibunya yang setia menunggu, yang mungkin menyimpan seribu kegusaran dalam diam. Jadikanlah kasih sayang antara mereka sebagai jalan menuju keberkatan hidup di dunia dan di akhirat."

Kami percaya, setiap pertemuan yang Allah aturkan bukanlah kebetulan. Ia adalah sebuah perjalanan yang mengajar kami tentang kasih sayang, kesetiaan dan erti sebuah persahabatan sejati. Semoga ukhuwah yang terjalin ini terus hidup dalam doa dan ingatan, menjadi saksi bahawa kami pernah berjalan bersama dalam sebuah perjalanan kehidupan yang penuh warna. Dan kami berdoa, semoga suatu hari nanti, kami dipertemukan kembali dalam keadaan yang lebih baik di dunia, mahupun di taman-taman keabadian yang dijanjikan.



Namun, Allah lebih menyayanginya. Setelah 30 hari bertarung nyawa di unit rawatan rapi, pada 20hb. Februari 2026, hari Jumaat penghulu segala, tepat jam 1.27 petang, Chom menghembuskan nafas terakhirnya. Pemergiannya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan begitu tenang seolah-olah sebuah jiwa yang telah lama berjuang akhirnya dipanggil pulang oleh Pemiliknya yang Maha Penyayang. Kami memujuk hati dengan keyakinan bahawa Allah memilih waktu yang indah untuk menerima hamba-Nya yang juga indah akhlaknya. Kami percaya, seorang anak yang menghabiskan hidupnya berbakti kepada ibu bapanya tidak akan dipersiakan oleh Allah. Semoga segala pengorbanannya menjadi asbab kelapangan kuburnya.

Buat sahabat kami, Chom
Terima kasih kerana pernah hadir dalam hidup kami.
Terima kasih kerana mengajar kami erti bakti dan kesetiaan.
Terima kasih kerana menjadi cerminan bahawa kebaikan itu tidak perlu bising untuk bermakna.

Selamat berehat wahai sahabat. Ukhuwah ini tidak pernah terputus.
Ia hanya berpindah dari dunia yang sementara ke alam yang kekal selamanya.

Al-Fatihah buat sahabat yang sangat baik.
Carilah kami di syurga nanti.